

KARNIVAL SUKAN PU BUTTERWORTH



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4145-karnival-sukan-pu-butterworth

PU Butterworth telah berjaya melaksanakan Karnival Penutup Sukan 2018 antara Seksyen/Unit yang berlangsung selama 10 hari bermula pada 7 hingga 16 Nov 18. 9 jenis sukan telah dipertandingkan dalam karnival sukan Pu Butterworth iaitu Squash, Renang, Polo Air, Hiking, Volleyball, Futsal, Dualthon, Road Relay dan Sukan Lasak.



Selain itu, pertandingan Strongest Men dan Strongest Women juga telah diadakan bagi mencari anggota terkuat di dalam pangkalan. Kategori Strongest Man telah disandang oleh Kpl U Amir Mahmud bin Arifin manakala kategori Strongest Women pula disandang oleh Lt Nurul Afifah binti Mohd Zin TUDM.



Johan keseluruhan pertandingan sukan antara Seksyen/Unit PU Butterworth bagi tahun 2018 telah dimenangi oleh No 15 Skn. Upacara Karnival Penutup Sukan tahun 2018 ini telah disempurnakan oleh Pemangku Komander Pangkalan merangkap Pengurus Sukan Pangkalan, Lt Kol Fazrol Azwan bin Mustafa TUDM. Sekalung tahniah kepada semua pemenang.







